


# Hujan lebat tiga jam punca banjir kilat di Janda Baik

Oleh [Asrol Awang](#) - Mei 12, 2022 @ 9:48am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUANTAN: Hujan lebat selama tiga jam di kawasan hulu sehingga mengakibatkan limpahan air sungai berhampiran antara faktor utama banjir kilat di Janda Baik, Bentong, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata faktor lain pula susulan daripada keadaan sungai yang cetek disebabkan banjir besar pada 17 Disember lalu.

Katanya, cerapan data stesen hujan di Kampung Janda Baik menunjukkan bahawa taburan hujan di kawasan itu ialah sebanyak 19.5 milimeter (mm) dalam tempoh tiga jam berkenaan.

"Kadar hujan 19.5 mm dalam tempoh tiga jam ini dikategorikan sangat lebat kerana taburan normal hujan adalah di bawah 10 mm," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Susulan kejadian banjir kilat itu, Wan Rosdy berkata, beliau mengarahkan beberapa tindakan dilaksanakan dengan kadar segera khususnya bagi membantu mangsa banjir yang terkesan.

Sebagai langkah awal, katanya, sebanyak 500 pek makanan dan bantuan lain seperti selimut, tuala dan air mineral yang diselaraskan oleh kerajaan negeri diagihkan kepada mangsa.

"Saya sudah minta pek makanan dan bantuan ini ditambah dari semasa ke semasa dengan kadar segera.

"Bagi membantu kerja-kerja pascabanjir termasuk pembersihan rumah, Sukarelawan Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP) khususnya dari Bentong akan melakukan gerak kerja secepat mungkin," katanya.

Ketika ini, beliau berkata, kerajaan negeri dan agensi yang terbabit sedang memberi tumpuan khusus kepada operasi penyaluran bantuan kepada mangsa banjir.

Pada kejadian jam 5.30 pagi, 42 keluarga terpaksa berpindah ke kawasan selamat selepas dilanda banjir kilat membabitkan beberapa kampung sekitar Janda Baik.

Antara kampung terjejas teruk termasuklah Kampung Sum Sum, Kampung Pulau Santap dan Kampung Chemperoh.